

**UPM - Universitas Indonesia Jalin Persefahaman Dalam Bidang Sains**

**JAKARTA** – Universiti Putra Malaysia (UPM) memeterai memorandum persefahaman dalam bidang sains dengan Universitas Indonesia (UI) pada 23 Jun lalu di kampusnya di Depok, Jakarta.

Naib Canselor UPM, Tan Sri Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah berkata kerjasama yang diterajui oleh Fakulti Sains UPM dengan Fakultas Matematika dan Pengajian Ilmu Alam (FMIPA) UI dalam penyelidikan, pengajaran, pembelajaran dan pertukaran pelajar akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

“Saya berharap agar kerjasama penyelidikan ini menyumbangkan sesuatu yang amat berharga kepada pembangunan kedua-dua negara dan boleh diperluaskan kepada fakulti-fakulti lain,” katanya.

Rektor UI, Prof. Dr. Der. Soz Gumilar Rusliwa Somantri berkata pelajar UI yang akan terlibat ialah dari Jabatan Biologi kerana Indonesia memiliki pelbagai jenis tanaman dan haiwan tropika yang sesuai dipelajari.



*Penyerahan naskah MOU oleh Prof Dr der Soz Gumilar R Somantri kepada Prof Tan Sri Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah.*

Selain Dekan Fakulti Sains UPM Prof. Dr. Sidek Abdul Aziz, turut hadir dalam majlis MoU itu ialah Dekan Fakultas Matematika dan Ilmu Alam (FMIPA) Dr. Adi Basukriadi.

Universitas Indonesia yang merupakan universiti terkenal di Indonesia berada dalam kedudukan 201 dunia (34 di Asia dan 5 di Asia Tenggara) berdasarkan Times Higher Education-QS World Universiti Ranking 2009.

**Berita disumbangkan oleh Prof. Dr. Sidek Abdul Aziz dan disunting oleh Seksyen  
Media, BKK UPM**

---

Hak Cipta Terpelihara 2007  
Universiti Putra Malaysia